

11/12/2001

Program In Conversation bersama Arroyo

KUALA LUMPUR, Isnin - Rancangan bual bicara In Conversation bersama Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, terbitan bersama empat stesen televisyen terkemuka Asean akan ditayangkan di TV3, jam 9 malam esok.

Pengurus Besar Kanan, Bahagian Berita dan Ehwal Semasa TV3, Datuk Chamil Wariya, berkata temu ramah itu turut menyentuh perkembangan politik dan ekonomi Filipina serta hubungan dua hala negara itu dengan Asean.

Ia turut menyentuh isu penahanan bekas Gabenor Wilayah Islam Mindanao, Nur Misuari oleh Malaysia dan perkembangan terkini di wilayah berkenaan.

Presiden Arroyo juga menjawab mengenai dasar ekonomi Filipina, cabaran peralihan kuasa selepas kejatuhan bekas Presiden Joseph Estrada, visi menangani kemiskinan, masalah sosial, rasuah serta usaha memerangi keganasan di republik itu.

Selain Chamil, ahli panel In Conversation ketiga itu ialah Ketua Koresponden dan Peneraju Berita ABS-CBN Manila, Korina Sanchez; Penerbit Berita Eksekutif RCTI Jakarta, Roy Tindage dan Pengarang Berita Luar Negara iTV Bangkok, Chib Jitniyom.

Sebelum ini, In Conversation menemu bual Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra.

(END)